

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

Mengikut rekod Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) secara purata lebih 300 kes kematian dicatatkan berlaku akibat lemas di seluruh negara setiap tahun. Jumlah ini dikatakan dua kali ganda lebih tinggi berbanding mangsa yang maut akibat kebakaran. Statistik ini juga dikatakan meningkat setiap kali musim tengkujuh. Jadi masyarakat perlu memberi perhatian serius mengenai masalah ini kerana kita tidak mahu kematian akibat lemas terus meningkat terutama apabila kebanyakannya membabitkan kanak-kanak dan remaja.

Walaupun ajal dan maut di tangan Tuhan, namun sekurang-kurangnya kita wajar mengambil iktibar dan tindakan pencegahan supaya kes lemas seperti ini tidak lagi berulang. Kita tidak mahu insiden lemas meragut nyawa kanak-kanak akibat kecuaian kita sendiri. Justeru semua pihak perlu berusaha memastikan kejadian ini tidak berlaku lagi.

Sudah terlalu banyak kes lemas dilaporkan mutakhir ini dan kita rasa cukup sedih dan pilu melihat situasi di mana ahli keluarga meratapi kehilangan insan tersayang. Antara kes yang menyayat hati ialah insiden lemas membabitkan tiga beradik, Nurain Fatma, 11, Nurain Sofea, 10, dan Nurain Sabila, 6 yang lemas di Pantai Sura Tengah, Dungun, Terengganu, baru-baru ini.

Justeru dalam konteks ini penulis lebih berminat untuk fokus kepada aspek pencegahan. Tanpa menyalahkan mana-mana pihak, kita perlu akui kebanyakannya kes lemas berlaku akibat kecuaian kita sendiri. Ibu bapa dan ahli keluarga yang bertanggungjawab menjaga keselamatan anak-anak perlu lebih berhati-hati. Tidak kira sama ada kanak-kanak bermain air dengan kita, dengan orang lain ataupun sendiri, aspek keselamatan perlu diutamakan. Jangan sesekali kompromi dalam soal ini. Kita perlu sentiasa memantau gerak geri mereka terutama jika membiarkan mereka mandi sendirian. Ingat insiden lemas boleh berlaku di mana saja sama ada di longkang, sungai, tasik maupun pantai.

Dalam hal ini antara langkah pencegahan yang paling signifikan ialah kita menajar anak kemahiran berenang dan menyelamatkan diri di air. Perkara ini penting kerana kita percaya ibu bapa juga tidak mampu mengawal dan memantau anak-anak sepanjang masa, jadi jika kita membekalkan mereka dengan ilmu dan kemahiran yang mencukupi kemungkinan besar mereka mampu menyelamatkan diri jika berlaku sesuatu insiden yang tidak diingini. Malah mereka bukan saja mampu menyelamatkan diri sendiri, tetapi mungkin turut boleh membantu

Harap tiada lagi kes lemas



mangsa lemas yang lain jika cukup kemahiran. Misalnya, pengetahuan asas pertolongan cemas seperti kemampuan memberikan bantuan Pernafasan Resustasi Kardiopulmonari (CPR) suatu yang cukup bermanfaat kepada semua.

Dalam konteks ini penulis menyokong penuh hasrat dan cadangan Kementerian Pendidikan untuk mengajar pelajaran berenang di sekolah. Ini satu cadangan yang sangat menarik dan selepas mengambil kira bilangan kes lemas yang membimbangkan terutama membabitkan kanak-kanak, penulis berpandangan cadangan ini hadir tepat pada masanya. Hal ini kerana umpama melentur buluh biar dari rebungnya, anak-anak sejak kecil lagi wajar diberikan ilmu dan kemahiran yang mencukupi supaya mereka mahir menguruskan diri ketika berada di air. Diharap ibu bapa akan menyokong penuh cadangan pihak kementerian ini dan diharap tidak ada lagi pihak yang cuba mempersoal atau mempersenda

cadangan ini.

Di samping itu kita juga berharap masyarakat akan mematuhi nasihat dan arahan pihak berkuasa dengan lebih teliti dan berdisiplin. Misalnya baru-baru ini ketika keadaan cuaca yang tidak begitu menentu dan membahayakan akibat ribut Tropika Pabuk di kawasan Laut China Selatan, Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia) telahpun mengeluarkan amaran angin kencang dan ombak besar. Namun apa yang mengejutkan dan menyedihkan ialah dilaporkan masih ramai yang mandi di kawasan persisir pantai biarpun isyarat bendera merah sudah dikibarkan. Antara alasan mereka ialah, tidak mengetahui mengenai amaran angin kencang dan ombak besar yang telah dikeluarkan itu tadi. Perkara seperti ini tidak sewajarnya berlaku. Pihak berkuasa telahpun membuat hebahan tentang amaran tersebut melalui pelbagai medium dan media jadi alasan seperti ini tidak

boleh diterima sama sekali. Tindakan anggota masyarakat umpama sengaja menempah maut ini cukup mengejutkan. Jadi kita berharap masyarakat akan lebih waspada, ambil peduli dan mematuhi nasihat pihak berkuasa.

Begitu juga halnya ketika musim banjir di mana tatkala ramai yang sedih mengenangkan kehilangan harta benda, masih ramai juga ibu bapa dan kaum keluarga leka dan membiarkan anak-anak bermain air banjir. Umpama pesta air apabila melihat gelagat anak-anak ketika musim banjir. Bukanlah ini bakal mengundang malapetaka yang lebih besar sehingga mengancam nyawa? Sekali lagi kita perlu ambil tindakan pencegahan yang sewajarnya dengan cara mengajar, mendidik dan mengawal anak-anak agar memahami bahaya air banjir. Ingat air banjir bukan saja boleh mengakibatkan pelbagai penyakit tetapi turut boleh meragut nyawa.

Dalam pada itu kita berharap pihak berkuasa juga akan terus

memainkan peranan yang agresif sama ada untuk melindungi maupun memberi kesedaran kepada anggota masyarakat. Antara inisiatif yang boleh diperkasakan lagi ialah, memperbanyakkan lagi papan-papan tanda amaran dan risiko lemas di semua lokasi yang telah dikenalpasti sebagai peringatan kepada masyarakat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) misalnya perlu memastikan semua lokasi yang berisiko tidak diceroboh oleh mana-mana pihak di mana langkah pemantauan dan tindakan penguatkuasaan wajar dipergiatkan lagi. Di samping itu kempen-kempen kesedaran juga boleh ditambah lagi dari masa ke semasa sebagai peringatan secara berterusan dan bukannya bermusim semata-mata.

Kita akui aktiviti air sememangnya ada daya tarikan yang tersendiri terutamanya kepada kanak-kanak. Itulah juga sebabnya ibu bapa suka membawa anak-anak bermandi pantai maupun berenang di kolam renang terutamanya ketika musim cuti sekolah. Ianya adalah satu aktiviti yang cukup menyihatkan di samping merapatkan hubungan kekeluargaan. Justeru elok kita ambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menangani kes lemas supaya aktiviti sepatutnya menyeronokkan semua pihak itu tidak bertukar menjadi tragedi malang dan mimpi ngeri kepada semua untuk selamanya.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

